

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN PERSIDANGAN PERWAKILAN GERAKAN BELIA 4-B DI SEKOLAH MENENGAH GEORGE- TOWN, PULAU PINANG PADA 7<sup>HB</sup> OGOS, 1971

Saudara Yang Dipertua, Y.A.B. Dr Lim Chong Eu, Y.B. Datuk Hamzah,<sup>1</sup> Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara-saudara semua kerana menjemput saya hadir di upacara yang meriah ini serta memberikan penghormatan merasmikan Sidang Perwakilan Gerakan Belia 4-B Malaysia pagi ini. Saya menghargai dan menjunjung tinggi ikrar Gerakan Belia 4-B menyokong dan memberi kerjasama kepada Kerajaan yang saya pimpin. Saya berdoa mudah-mudahan cita-cita kita bersama akan dihasilkan oleh Tuhan.

Pertemuan ini saya sifatkan sebagai satu kesempatan yang baik untuk beramah mesra dengan ahli-ahli Gerakan 4-B dari seluruh negara, kerana inilah kali yang pertama saya dapat bersama-sama dengan saudara-saudara sejak Pertubuhan 4-B ini ditubuhkan lima tahun dahulu.

Sidang Perwakilan ini sungguh kena pada masanya kerana kita masih berada dalam suasana perayaan Hari Belia—meskipun agak penghujung sedikit—dan saya berpuashati Minggu Belia tahun ini mendapat sokongan hangat dari kaum belia seluruhnya dengan mengadakan berbagai acara sambutan di tempat masing-masing. Saya sendiri berpeluang menemui kumpulan-kumpulan belia, termasuk juga pemimpin-pemimpin belia dari luar negeri yang datang menghadiri Seminar Belia Commonwealth di Ibu Kota baru-baru ini. Di samping itu, saya dapat juga kesempatan berucap kepada belia-belia seluruh negara melalui TV dan Radio; dan pertemuan kita pagi ini bolehlah dianggap sebagai kemuncak dari peristiwa-peristiwa Hari Belia tadi.

Saudara-saudara sekalian,

Tidak syak lagi sidang Perwakilan pagi ini merupakan detik penting dalam sejarah perjalanan Belia 4-B, yang memasuki usia lima tahun. Tempuh lima tahun mempunyai makna yang besar

---

<sup>1</sup> Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

kepada sesuatu pertubuhan besar dan kita lazimnya membuat rancangan negara berasaskan kemajuan setapak demi setapak bagi mencapai objektif-objektif yang tertentu.

Saya fikir amatlah baik kalau saudara-saudara, sambil membincangkan urusan-urusan rumahtangga Gerakan 4-B ini, juga membuat tinjauan kebelakang dan mengkaji secara kritis setakat manakah Gerakan 4-B ini berjaya menyempurnakan tugas-tugasnya sambil mara ke arah matlamat yang hendak dituju.

Amalan mengkaji "in retrospective" kegiatan-kegiatan dan gerak langkah kita dari semasa kesemasa amat diperlukan baik bagi diri kita sebagai individual ataupun sebagai satu Kerajaan yang memerintah. Ini akan dapat memberikan natijah yang nyata mengenai kekuatan kita dan juga kelemahan-kelemahannya—supaya kita dapat mengorak langkah baru, dengan lebih tegas dan berazam untuk mencapai cita-cita kita sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Rasanya tidaklah perlu saya mengulangi kata-kata di depan saudara-saudara semua tentang dasar Kerajaan mengenai belia. Baik saya mahu pun rakan-rakan saya dalam Kabinet seringkali menegaskan bahawa golongan belia kita yang berbilang kaum merupakan asset yang tidak ternilai kepada negara. Dan asset ini jika digunakan sebaik-baiknya akan membantu usaha ke arah cita-cita menjadikan Malaysia negara yang mewah dan makmur dengan masyarakat yang progresif, modern dan dinamis.

Atas kesedaran inilah Kerajaan sentiasa bersedia melayani keperluan-keperluan kaum belia dan mengiktiraf peranan belia dalam pembangunan negara dengan menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara. Dengan adanya Majlis ini, kami bukan saja dapat berdailog dengan kaum belia tetapi juga diharapkan hasil dari dailog terbuka ini dapat pula mengumpul dan menggembelingkan seluruh tenaga belia ke arah satu haluan mencapai cita-cita bersama.

Saudara-saudara sekalian,

Untuk beberapa tahun yang akan datang ini, objektif-objektif negara telahpun dinyatakan dengan terang dan jelas dalam Rancangan Malaysia Kedua. Saya fikir tidaklah payah saudara-saudara menunggu Majlis Perundingan Belia mengadakan satu Sidang Khas untuk menerangkan apakah Rancangan Malaysia

Kedua dan Dasar Ekonomi Baru. Ini adalah tanggungjawab setiap orang mempelajari dan memahami serta menyebarkan strategi dan matlamat-matlamat Rancangan itu seluas-luasnya di kalangan rakyat.

Gerakan Belia 4-B ini, di samping badan-badan belia yang lain, mempunyai peranan yang penting dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua itu. Lebih-lebih pula oleh kerana Belia 4-B merupakan satu-satunya pertubuhan yang bercorak "rural orientated" dan mengingat bahawa kawasan luarbandar adalah target utama dalam Rancangan Malaysia Kedua. Saya percaya Gerakan Belia 4-B akan menyambut cabaran itu. Saya sukacita mendengar ikrar Yang Dipertua tadi hendak merentas hutan belantara dan menjalankan usaha-usaha untuk kemajuan bangsa dan negara.

Bagaimanapun, kita seharusnya insaf bahawa kita hanya boleh memberikan sumbangan yang berkesan kalau kita benar-benar memahami tugas dan bidang-kerja masing-masing. Seperti kata orang dalam menjalankan kewajipan, kita patutlah "menentukan mana yang batang, mana yang dahan dan mana yang ranting". Inilah tanggungjawab yang berat bagi pemimpin-pemimpin sesuatu gerakan, menentukan priority apa yang patut didahulukan dan apa yang hendak dikemudiankan. Tanpa pengetahuan yang jelas dan pengertian yang nyata, saya bimbang apa yang kita usahakan itu tidak akan mendapat kehasilan, walaupun tujuannya ikhlas dan baik. Besar nafsu tetapi bukan kerana tiada tenaga, hanya kerana tenaga itu tidak digunakan pada tempat yang tidak diperlukan sebenarnya.

Saudara-saudara sekalian,

Kepada kaum belia, khasnya saudara-saudara di sini, saya suka mengulangi kata-kata mendiang Presiden Kennedy—tanya diri mu, apakah yang sudah kau berikan kepada negara? Saya rasa tidak ramai antara kita yang dapat memberikan jawapan ikhlas kepada cabaran ini. Sayang sekali, terutama di masa akhir-akhir ini, setengah-setengah golongan belia kita yang terpelajar secara terang-terangan mengabaikan tanggungjawab mereka dan melupakan "noblesse oblige" yang sepatutnya mereka penuhi.

Tidak siapapun yang dapat menafikan hutangnya kepada negara. Sejak dari sekolah rendah ke sekolah menengah, dan apa lagi kalau meningkat ke bidang pengajaran tinggi negaralah yang

menanggung bebanan memberikan kemudahan-kemudahan yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Saya sukacita Gerakan 4-B ini menunjukkan rasa keinsafan yang mendalam, serta keazaman berbakti kepada bangsa dan negara. Kekuatan saudara-saudara, seperti yang dikatakan oleh Saudara Yang Dipertua sudahpun mencapai 80,000 ahli, merupakan pertubuhan belia yang terbesar di negara kita. Bagaimanapun, hanya sebahagian kecil yang dapat disalurkan di Rancangan Merbau Berdarah yang sedang berjalan dengan memuaskan. Barangkali rancangan seperti ini dapat diluaskan lagi di masa hadapan. Bagaimanapun tidaklah dapat dielakkan sebahagian besar dari ahli-ahli Gerakan ini mestilah mencari tempatnya sendiri, samada mengikuti arus urbanization ataupun menjadi pioneer dalam projek-projek pertanian yang akan dibuka dalam Rancangan Malaysia Kedua kelak.

Untuk menceburkan diri dalam lapangan-lapangan yang akan terbuka itu, adalah mustahak bagi saudara-saudara melengkapi diri dengan sedikit-sebanyak kemahiran menurut kemahuan masing-masing, samada di bidang industri, perdagangan ataupun di bidang pertanian. Kerajaan sudahpun menyediakan kemudahan-kemudahan latihan dalam berbagai jurusan seperti yang diberikan oleh Pusat Belia Pelupur dan Pusat Belia Pembena Negara. Begitu pula, MARA menerusi Pusat-pusat Latihan Vokesyenal yang akan dibuka di beberapa negeri dan juga Pusat-pusat Latihan Pertanian yang diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian.

Pada tingkatan kemahiran yang lebih tinggi, peluang-peluang latihan berjalan dengan lancar seperti di National Productivity Centre dan Industrial Institute yang akan ditambah sebuah lagi di Prai tidak lama kelak. Jadi saya nampak peluang adalah terbuka luas kepada belia-belia kita yang ingin dan menunjukkan kesanggupan untuk merebutkannya, pertama bagi kepentingan diri mereka dan untuk menyumbangkan tenaga dalam pembangunan negara.

Bagaimanapun, saya rasa tidaklah memadai kalau tujuan kita hanyalah setakat menyertai rancangan pembangunan tanpa secara sedar mempelupuri proses pembaharuan sikap serta sanggup pula menerima norma-norma hidup yang sewajar dengan masyarakat modern, dalam suasana negara yang berbilang bangsa.

Inilah yang saya maksudkan dengan kata-kata "involvement in the process of modern revolution" yang sedang berlaku dalam masyarakat kita hari ini. Dalam hal ini barangkali kita boleh mempelajari pengalaman negara-negara Barat yang maju, yang telah menempuh proses yang sama seratus tahun dahulu. Hari ini serentak dengan perkembangan industri yang pesat di bandar-bandar, bidang pertanian turut mengambil corak baru yang melahirkan petani-petani yang sama maju dengan kaum pengusaha atau industrialists itu.

Gerakan Belia 4-B perlu bersedia menerima perubahan-perubahan ini bila memandang jauh ke hadapan kerana tentulah saudara-saudara tidak mahu ketinggalan dalam perlumbaan ini. Dalam bentuk organisasinya, keinginan saudara-saudara mempunyai identiti sendiri tidak seharusnya mengenyepikan usaha-usaha bekerjasama dengan badan-badan belia yang lain di negara kita. Menerusi langkah-langkah dan usaha-usaha bersama tadi, dapatlah kita menjamin pertumbuhan gerakan belia kebangsaan yang kuat dan stable untuk beberapa masa yang akan datang. Pendek kata, kita tidak harus menyimpang dari tujuan utama mencapai cita-cita satu bangsa yang bersatu padu, kerana bagi kita di sinilah tapak segala kejayaan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telahpun menerangkan, dalam masa beberapa tahun yang akan datang ini, kita akan membuka kawasan-kawasan baru di Pahang, di Johor Tenggara dan lain-lain kawasan, yang luasnya lebih dari tiga juta ekar. Saya telah juga menggambarkan iaitu kawasan-kawasan baru ini kelak akan menjadi pusat-pusat bandar dan juga perkampungan yang modern di mana penduduk-penduduk meskipun hidup bekerja sebagai peladang-peladang tetapi aspek-aspek kehidupan mereka itu tidak berbeza dan taraf hidup mereka tidaklah kurang dari keadaan mereka yang duduk di bandar atau urban society. Keadaan ini tidak boleh dicapai semata-mata dengan langkah memodenkan pertanian, tetapi yang lebih utama rasa saya, serentak dengan itu hendaklah berlaku proses revolusi mental pada diri setiap orang, menerima perubahan cara berfikir dan juga nilai-nilai baru yang wajar bagi masyarakat modern.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam perutusan saya kepada belia-belia minggu lalu, antara lain-lain, saya menggesa supaya kaum belia kita mempunyai vision dan pandangan yang jauh. Saya dan rakan-rakan sejenarasi saya hanya dapat menyumbangkan usaha dan fikiran untuk sepuluh atau dua puluh tahun akan datang ini, paling lama hingga tahun-tahun sembilan puluhan. Saudara-saudara dan jenerasi yang berikutnya merupakan baris hadapan memasuki abad ke dua puluh satu yang penuh dengan berbagai-bagai kemungkinan.

Bagaimanapun, buat masa ini marilah kita menumpukan perhatian kepada hakikat sekitar keadaan dalam negara kita sahaja. Sementara astronaut-astronaut Amerika dan Kosmonaut-kosmonaut Russia berlumba-lumba pergi ke bulan, ke bintang Marekh dan lain-lain, tumpuan usaha kita yang utama ialah di bumi tempat kita berpijak ini.

Saudara-saudara sekalian,

Kita masih belum ada kemampuan bahkan masih terkebelakang dalam persaingan zaman teknologi modern. Tetapi saya percaya satu hari kelak kita juga akan memasuki lapangan itu, iaitu setelah kita dapat mengadakan pakar-pakar sains dan teknologi kita sendiri.

Kemajuan kita dalam perlumbaan mengejar ilmu pengetahuan bolehlah dikatakan memuaskan tetapi tentulah kita tidak akan berpuas hati sekadar itu saja. Lima tahun dahulu, susah kalau kita hendak mencari seorang Melayu yang memegang Ph.D. Hari ini bilangan mereka sudah ramai dan kita harap akan bertambah-tambah lagi supaya dalam beberapa tahun ini Universiti-universiti kita yang ada dan yang akan didirikan kelak mempunyai tenaga-tenaga guru yang berkelulusan tinggi dalam bidang masing-masing.

Perkembangan-perkembangan yang nyata di hadapan kita mencerahkan harapan dalam menghadapi tahun-tahun akan datang. Bagaimanapun amatlah mustahak bagi setiap orang, terutama golongan belia, memahami tanggungjawabnya masing-masing dan bersedia menjalankan kewajibannya dalam bidang-bidang yang ditentukan menurut kebolehan dan kesanggupan masing-masing. Setiap orang mempunyai peranan tertentu dan

asal saja masing-masing menjalankan tugasnya dengan sempurna, target atau matlamat sesuatu projek itu pasti akan dicapai dengan jayanya.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka melihat Gerakan Belia 4-B ini bergerak mempelupuri usaha-usaha pembaharuan cara berfikir dan mencari nilai-nilai baru untuk masyarakat kita masa depan. Yang utama ialah kita mulakan dengan diri kita sendiri, kerana kalau kita sendiri tidak ada kesanggupan berbuat begitu, bagaimanakah pula kita hendak mengubah diri orang lain. Oleh itu, perlulah saudara-saudara melengkapkan diri sesuai dengan cogan kata Gerakan ini "Belajar dan Berkhidmat".

Di sini saya perhatikan juga saudara-saudara hingga sekarang pun banyak menumpukan masa dan tenaga kepada kegiatan-kegiatan sosial dan lain-lain sedangkan masih kurang minat di lapangan-lapangan yang lebih bermakna. Kegiatan-kegiatan seperti sukan dan silat gayung memang ada baiknya, tetapi tidaklah boleh dianggap perkara yang utama. Saya mencadangkan dalam perbincangan-perbincangan yang akan diadakan kelak, saudara-saudara memberikan perhatian penuh kepada langkah-langkah pembaharuan yang saya katakan itu. Seperti saya sebutkan awal-awal tadi, tentukanlah mana-mana priority kita untuk satu hingga lima tahun ke depan ini, di mana setiap ahli dikehendaki memenuhi keperluan diri dan memberikan sumbangan positif supaya Gerakan Belia 4-B ini benar-benar mempunyai pengaruh di samping memberikan pimpinan yang berkesan kepada masyarakat.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana memberikan kesempatan ini dan dengan sukacitanya merasmikan Sidang Perwakilan 4-B ini.